

Mingguan Malaysia - Tohmahan Pembangkang, Logikkah?

Isnin, Apr 02 2018

MINGGUAN: Bagaimana Datuk Seri melihat prestasi Kuaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang berkembang 5.9 peratus pada tahun lalu?

JOHARI: Kalau kita tengok KDNK, ia merangkumi banyak aspek. Saya ingin menyentuh dari segi aktiviti ekonomi. Kita hendak membangunkan ekonomi kita supaya mencapai negara maju.

Bila hendak mencapai negara maju, ekonomi negara mesti terus berkembang. Kalau tidak terus berkembang, sukar untuk kita meningkatkan pendapatan isi rumah.

Dalam proses membangunkan ekonomi, sudah tentu kita terpaksa mencari beberapa strategi untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan isi rumah.

Salah satu strategi ialah kita kena sentiasa menggiatkan ekonomi iaitu dengan mewujudkan industri-industri baharu dalam kita membangunkan ekonomi.

Contoh, kita membangunkan infrastruktur awam seperti Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT), Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) dan Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura.

Semua ini bukan sahaja memberi manfaat kepada perkembangan ekonomi malah membantu peluang pekerjaan dan keusahawanan.

Sistem pengangkutan awam yang cekap juga boleh mengurangkan beban komitmen hutang isi rumah kerana sebahagian kita tidak perlu membeli kereta untuk ke tempat kerja.

Dalam membangunkan ekonomi, kita juga menumpukan kepada soal-soal berasaskan teknologi kerana ia boleh meningkatkan produktiviti sesuatu ekonomi atau industri apabila kita menerima teknologi digital.

Sebab itu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak membangunkan ekonomi digital supaya kita lebih terkehadapan dan melakukannya lebih awal daripada negara-negara lain.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia sentiasa konsisten walaupun dunia dilanda krisis ekonomi dan kejatuhan harga petroleum. Tidaklah ini menunjukkan ekonomi negara kita kukuh?

JOHARI: Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai perkembangan ekonomi konsisten. Selepas mengalami krisis kewangan global pada 2008-2009, ekonomi negara terus berkembang. Walaupun berlaku kejatuhan harga minyak mendadak pada 2016, ekonomi negara masih berkembang 4.2 peratus. Kemudian ekonomi kita terus naik balik kepada 5.9 peratus pada 2017.

Harapan kita dengan saiz ekonomi Malaysia sekarang RM1.3 trilion, dalam jangka masa tujuh dan lapan tahun, ekonomi negara akan mencecah RM2 trilion. Semasa awal merdeka dahulu, saiz ekonomi negara cuma RM4 bilion. Ekonomi kita mencecah RM1.3 trilion pada tahun 2017.

Banyak telah dilakukan oleh kerajaan bagi membangunkan ekonomi dan membantu rakyat. Tetapi pembangkang masih bercerita tentang isi pelaburan dari China dan 1MDB. Komen Datuk Seri?

JOHARI: Pelaburan bukanlah satu perkara baharu. Masa kita awal merdeka dahulu, yang datang melabur ke negara kita adalah Amerika Syarikat (AS) dan Britain.

Kemudian selepas 25 tahun merdeka, Jepun datang melabur.

TOHMAHAN PEMBANGKANG LOGIKKAH?

MUKADIMAH

NEGARA hendak bankrap, hutang tinggi dan kerajaan menjual negara kepada China adalah antara tohmahan jahat yang dilemparkan oleh pembangkang kepada kerajaan.

Walaupun tahu semua tuduhan tersebut tidak benar, pembangkang tetap memainkan isu itu bagi mencipta persepsi

untuk memesonkan pemikiran rakyat terutama menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang semakin dekat.

Menteri Kewangan II, **DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI** ketika ditemu bual wartawan *Mingguan Malaysia*, **HAFAZAHRI HAMID** dan **AMIZUL TUNIZAR AHMAD** **TERMINI** di Bangunan Parlimen, mengulas tentang isu tersebut dan perjuangan beliau dalam membara nasib masyarakat Melayu bandar.



Logiknnya mudah sahaja. Adakah China sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia dan Pengasas Alibaba, Jack Ma datang melabur ke Malaysia sebab negara kita hendak bankrap?

Sekarang ini China. Kita kena faham China merupakan kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia selepas AS.

Sudah tentu kalau China datang hendak melabur, Malaysia sebagai negara yang kecil dan mengamalkan sistem ekonomi terbuka, kita mengalu-alukan pelabur-pelabur untuk datang ke negara kita.

Jadi kalau China datang dan hendak buat pembangunan serta memanfaatkan ekonomi kita, apa salahnya? Yang dapat pekerjaan dan 30 hingga 40 peratus kontrak adalah rakyat Malaysia. Ekonomi negara juga bertambah rancak. Dalam tempoh tiga tahun ini, kita telah dapat mewujudkan sebanyak 1.1 juta peluang pekerjaan.

Kalau kita tidak beli perahu China datang, peluang pekerjaan dan kontrak tersebut pun tidak akan wujud. Mana lebih elok? Tidak ada langsung atau ada tetapi kita dapat manfaat sampingan secara berpanjangan.

Dalam soal pelaburan ini, kalau syarikat China beli tanah kita, mereka tidak boleh bawa balik tanah kita ke China. Kalau mereka beli jana kuasa kita, bukan mereka bawa balik ke China. Bila habis tempoh konsesi jana kuasa ini akan diserahkan semula pada kita.

Mereka membantu kita menjana aktiviti ekonomi yang membolehkan kita semua bertambah maju, efisien dan produktif. Mereka juga membayar cukai kepada negara kita. Mereka membayar cukai korporat, cukai barang dan perkhidmatan (GST), duti import dan cukai pendapatan.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2017 melepasi unjuran yang dibuat kebanyakan penganalisis termasuk Bank Dunia. Tetapi kenapa pembangkang masih mendakwa ekonomi Malaysia hendak bankrap?

JOHARI: Logiknnya mudah sahaja. Adakah China sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia dan Pengasas Alibaba, Jack Ma datang melabur ke Malaysia sebab negara kita hendak bankrap?

Apakah Jepun, AS, United Kingdom (UK) dan Korea Selatan juga tidak pandai kerana datang melabur di Malaysia yang kononnya hendak bankrap? Logikkah?

Kedua, Malaysia adalah negara yang mengamalkan dasar ekonomi yang begitu terbuka.

Kita mengeksport produk elektronik dan elektronik, produk berkaitan minyak sawit, petroleum dan gas serta barangan perkilangan. Eksport Malaysia berkembang hampir 20 peratus pada tahun lalu. Negara yang hendak bankrap, eksport tidak boleh berkembang dua digit.

Satu lagi, kita tengok sistem kewangan Malaysia termasuk perbankan serta pasaran modal iaitu pasaran saham, sukuk, bon bernilai RM5.3 trilion. Sebahagian bank kita mendapat penarafan yang tinggi oleh agensi penarafan antarabangsa.

Kalau negara itu bankrap, sudah banyak bank-bank kita akan bankrap terlebih dahulu. Apa yang paling penting, kita perlu memastikan apabila kita meminjam, jangan sampai kita tidak boleh bayar. Setiap pinjaman mestilah untuk pembangunan dan bukan untuk membayar gaji atau perbelanjaan pengurusan.

Pembangkang sering membangkitkan tentang soal hutang negara yang dikatakan tinggi. Bagaimana Datuk Seri melihat paras hutang negara?

JOHARI: Paras hutang negara adalah sebanyak 50.8 peratus daripada KDNK. Kalau hendak buat perbandingan, paras hutang AS sebanyak 106 peratus daripada KDNK, Jepun 250 peratus, UK 98 peratus dan Singapura 85 peratus.

Peratusan tidak penting. Yang penting ialah kebolehan membayar. Kalau peratusan rendah tetapi tidak boleh bayar, tidak guna juga. Kalau peratusan tinggi tetapi kebolehan membayar juga tinggi, itu tidak ada masalah.

Selama ini, kerajaan sentiasa difitnah dengan pelbagai tohmahan oleh pembangkang. Mungkln dengan adanya Akta Antiberita Tidak Benar, keadaan itu akan berubah?

JOHARI: Saya berpandangan bahawa walau apapun orang cakap, kita kena sentiasa memberi maklum fakta yang benar dan terus mendidik masyarakat. Masyarakat kita bukanlah masyarakat yang boleh mengambil maklumat secara membuta tuli dan menerima fitnah bulat-bulat.

Kalau tidak, sudah lama Barisan Nasional (BN) kalah kerana difitnah. Tetapi oleh sebab masyarakat kita semakin lama semakin pandai dan bijak berfikir mereka boleh menilai.

Sebelum menjadi Ahli Parlimen Titiwangsa lagi, Datuk Seri sudah memperjuangkan nasib dan pembangunan orang Melayu bandar. Boleh kongsi sedikit usaha Datuk

Seri itu?

JOHARI: Kalau kamu tengok saya menekankan betapa pentingnya kehidupan Melayu bandar perlu dipertingkatkan kebolehan menjana pendapatan tambahan. Kos kehidupan bandar pada lazimnya akan lebih tinggi daripada luar bandar.

Mereka yang mempunyai pendidikan tinggi boleh bekerja sebagai profesional di bank, syarikat insurans, syarikat multinasional serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Kalau tidak berpendidikan tinggi, mereka boleh menjalankan aktiviti keusahawanan seperti meniaga di pasar, warung dan kedai makan secara kecil-kecilan.

Sebab itu, saya sentiasa memberi penumpuan kepada aktiviti-aktiviti yang boleh menjana pendapatan kepada golongan yang tertinggal daripada arus pembangunan. Mereka hendak hidup dalam bandar, ada pendapatan dan menjadi usahawan-usahawan kecil. Sebab itu, kita bantu.

Contoh, kita hendak membangunkan Pasar Chow Kit supaya boleh menarik lebih ramai orang datang ke pasar tersebut.

Pembangunan pasar ini termasuk perantaraan kontraktor dikendalikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Saya cuma memperjuangkan pembangunan tersebut.

Sebab itu juga, apabila mereka hendak merutup Pasar Datuk Keramat, saya mempertahankan pasar itu kerana saya tahu itulah pasar tempat orang Melayu berniaga. Macam mana kita hendak robohkan Pasar Datuk Keramat? Sepatutnya kita menarik taraf Pasar Datuk Keramat, bukan memindahkan perniagaan-peniagaan.

Saya akui Pasar Datuk Keramat itu bukan lagi pasar yang selesa dan tidak boleh menarik pelanggan yang mempunyai kebolehan berbelanja kerana kotor dan tidak mempunyai sistem saliran yang betul. Sebab itu saya mahu pasar itu dinaik taraf.

Tetapi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah menjual tanah itu kepada pemaju untuk dibangunkan. Harapan saya apa sahaja pembangunan yang dijalankan oleh penaju, janganlah disilahkan peniaga-peniagaan sedia ada. Saya mahu peniaga di situ tidak dihalau dari tempat mereka. Saya mahu persatuan peniaga di situ memperjuangkan nasib peniaga bukan pemaju.

Yang ketiga, saya membantu ramai peniaga runci yang datang berjumpa meminta bantuan seperti khemah, meja, kerusi, gerai dan perkakasan alat peniagaan daripada daripada saya. Asalkan boleh

menjana pendapatan dan membantu meningkatkan pendapatan isi rumah saya akan tolong.

Kalau tengok dalam bajet Kementerian Kewangan, saya selalu berbincang dengan Perdana Menteri sentiasa memberi penekanan bagaimana bantuan boleh diberikan kepada tabung-tabung yang boleh membantu usahawan.

Sebab saya tahu dalam bandar, kita tidak mempunyai tanah untuk bercucuk tanam. Apa yang kita boleh buat ialah keusahawanan.

Akhir sekali, saya memperjuangkan supaya masyarakat bandar ada rumah mampu milik dan beli separi Projek Perumahan Rakyat (PPR). Ini sangat penting. Sebab itu saya sentiasa beritahu DBKL, mana-mana tapak perumahan awam minta tolong gazetkan sebagai kawasan perumahan awam, kos rendah atau sederhana.

Jika kita gazetkan, maka apabila dibangunkan semula, mesti rumah kos rendah dan sederhana supaya jangan ditukar dengan status rumah-rumah yang dijual di luar kemampuan masyarakat.

Ada pihak mempersoalkan, sampai bila orang Melayu hendak bergantung dengan bantuan daripada kerajaan?

JOHARI: Untuk bantu rakyat, AS negara yang terkaya di dunia sampai hari ini masih membantu rakyatnya yang tertinggal daripada arus pembangunan. Mana-mana negara tidak kira macam mana maju sekalipun, akan ada kelompok masyarakat yang tertinggal daripada arus pembangunan. Ini menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membantu.

Mengenal PRU-14, apakah harapan Datuk Seri kepada pengundi di Parlimen Titiwangsa?

Mengenal pilihan raya, akan ada banyak tuduhan dan tohmahan terhadap saya oleh orang-orang tertentu yang mempunyai kepentingan. Saya juga nampak lima tahun kebelakangan ini tidak ada orang keluar buat bisling tetapi apabila sudah dekat pilihan raya, macam-macam cerita keluar. Ramal hendak jadi jaguh kampung. Hendak jadi hero Kampung Baru pun ada.

JOHARI: Menjelang pilihan raya, akan ada banyak tuduhan dan tohmahan terhadap saya oleh orang-orang tertentu yang mempunyai kepentingan. Saya juga nampak lima tahun kebelakangan ini tidak ada orang keluar buat bisling tetapi apabila sudah dekat pilihan raya, macam-macam cerita keluar. Ramal hendak jadi jaguh kampung. Hendak jadi hero Kampung Baru pun ada.

Cuma saya hendak beritahu kepada penduduk di Parlimen Titiwangsa, dalam soal memilih pemimpin ini kita mesti berhati-hati. Ini bukan macam beli beras, tak sedap esok kita beli beras lain. Kalau silap pilih wakil rakyat, lima tahun kita merana.

Jadi dalam proses pemilihan wakil rakyat ini kita hendak pastikan wakil rakyat itu senang berjumpa, tahu di mana pejabat dia tiap-tiap minggu dan hujung minggu boleh berjumpa, ada masalah boleh dilontarkan dan tahu pusat kedaiannya di mana.

Kita tidak mahu wakil rakyat kita jumpa lima tahun sekali.

Kelab Aku Budak Chow Kit mengaku memasang kain rentang menolak Datuk Seri di Parlimen Titiwangsa. Apakah masalah sebenar?

JOHARI: Kelab ini menjemput saya menghadiri mesyuarat agung pada 7 Oktober 2017 tetapi mereka menjemput Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai perasm. Takkan, 20 orang mesyuarat, dua orang menteri ada di situ?

Kebetulan pada tarikh tersebut, saya ada satu program lain iaitu merasmikan Kamival Sukun Komuniti Ceria Peringkat Parlimen Titiwangsa maka saya tidak hadir tetapi menghantar wakil saya. Kebetulan Menteri Wilayah Persekutuan pada hari itu juga tidak datang.

Kemudian, Kelab Budak Chow Kit memohon sumbangan dua ekor lembu dan minta saya datang pada sambutan Maulidur Rasul pada 1 Disember 2017. Saya beri dua ekor lembu tetapi saya tidak dapat datang kerana ada program rasmi yang saya telah beri persetujuan lebih awal. Itu saja puncanya. Tapi apabila ada anasir yang mencucuk budak-budak muda ini maka hilanglah pertimbangan mereka.

Saya tak rasa mereka boleh keluar duit berpuh-rih untuk cetak kain rentang dan banting untuk mengaitkan saya kalau bukan dibayai oleh mereka yang mempunyai kepentingan politik untuk menjatuhkan saya.

Saya tahu mereka ini. Barlah ia menjadi pengajaran kepada kita semua.